

# BULETIN PUSAT SUKAN UNIVERSITI

EDISI 02:  
MAC & APRIL 2021



## "IN HOUSE TRAINING" PENYELENGGARAAN KOMPLEKS RENANG



03 MAC 2021

"In-house training" bagi kerja-kerja penyelenggaraan di Kompleks Renang UTHM telah dijalankan pada 03 Mac 2021. Inisiatif ini diambil bagi memastikan keadaan kolam renang sentiasa terjaga dan perlunya pemantauan rapi setelah kontraktor menyerahkannya semula kepada UTHM selain membina kepakaran dalaman PSU.

## UJILARI PERALATAN PERALATAN GIMNASIUM DIKAMPUS PAGOH

08 MAC 2021

Pusat Sukan Universiti bersama-sama Pejabat Pentadbiran Kampus Pagoh telah menjalankan kerja-kerja ujilari bagi peralatan gimnasium di Kampus Pagoh.



## SESI TEMUBUAL SECARA ATAS TALIAN KEPADA CALON-CALON JURULATIH SAMBILAN SUKAN UTHM 2021


11 MAC 2021

Sesi Temubual Jurulatih Sambilan Sukan bagi tahun 2021 telah dilakukan secara atas talian. Sesi temu bual ini melibatkan penawaran kepada jurulatih sukanilat, Karate dan Mendaki.

## MESYUARAT PENGANJURAN KEJOHANAN ESPORTS PIALA MENTERI KPT 2021

10 MAC 2021

Mesyuarat bagi Penganjuran Kejohanan Esports Piala Menteri KPT 2021 ini telah diadakan di UTHM, Batu Pahat Johor dan dipengerusikan oleh Ketua Seksyen Sukan, KPT Ybrs. Dr. Pekan Ramli.



## BENKEL PENGKATEGORIAN PASUKAN SUKAN UTHM 2021

15 MAC 2021

Bengkel secara atas talian ini telah diadakan bagi memberikan fokus kepada Penyediaan Pengkategorian Pasukan Sukan UTHM bagi tahun 2021 yang akan dijadikan sebagai garis panduan bagi menentukan kedudukan pasukan dan manfaatnya. Selain itu, ianya juga merupakan inisiatif PSU bagi memastikan pasukan sentiasa bermotivasi untuk meningkatkan prestasi pasukan.

## SESI PEMILIHAN PASUKAN PST-KPT MUSTANG

22 MAC 2021

Atlet Futsal Lelaki UTHM, Muhammad Arif Roslan & Eazlan Syaqrin terpilih bagi menjalani sesi pemilihan Pasukan PST-KPT Mustang di UPSI untuk beraksi di Kejohanan Liga Perdana Futsal Msia (MPFL) 2021.





# BULETIN PUSAT SUKAN UNIVERSITI

EDISI 02:  
MAC & APRIL 2021



## WEBINAR SUKAN UTHM SIRI 2/2021: BERSAMA TOKOH SUKAN NEGARA DATO' MIRNAWAN DATUK HJ NAWAWI "THE BOSS"

24 MAC 2021

Webinar Sukan UTHM Siri 2/2021 menampilkan bekas pemain hoki negara yang juga merupakan Kapten Pasukan Negara dari tahun 1998 hingga 2002. Beliau juga dikenali sebagai The Boss semasa hari bermain dan telah menjaringkan 250 gol.

## PEMERIKSAAN PERALATAN GIMNASIUM DI KOLEJ KEDIAMAN PERWIRA

22 MAC 2021

Pusat Sukan Universiti telah menjalankan pemeriksaan peralatan gimnasium di Kolej Kediaman Perwira bagi membantu pengurusan kolej kediaman berkaitan tahap keselamatan dan kefungsi semua peralatan yang ada.



## BELAKANG TABIR WEBINAR SUKAN UTHM: BERSAMA TOKOH SUKAN NEGARA

24 MAC 2021

Ucapan terima kasih diucapkan kepada PTJ yang telah membantu bagi menjayakan program Webinar Sukan UTHM bagi Tahun 2021. PTJ yang terlibat adalah Pusat Teknologi Maklumat dan GLOBAL. Ucapan terima kasih juga dipanjangkan kepada pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan program ini.

## PENGANJURAN SUKAN ANTARA FAKULTI (SAF) 2021

01 HINGGA 10 APRIL 2021

Sukan Antara Fakulti telah diadakan secara alam maya ini merupakan dimensi baharu dalam arena sukan universiti. Majlis Pelancaran SAF 2021 telah disempurnakan oleh YBhg. Prof Madya Ts. Dr. Lokman Hakim Ismail, Timbalan Naib Canselor (HEPA). Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina terpilih menjadi tuan rumah bagi edisi kali ini dengan penganjuran 9 acara sukan. Pusat Pengajian Diploma (PPD) telah dinobatkan sebagai juara dengan kutipan 8 mata keseluruhan.

FAKULTI	🥇	🥈	🥉	JUMLAH
PPD	3	2	0	5
PKAB	2	2	1	5
FTK	2	2	1	5
PKMP	2	0	0	2
FREE	1	2	3	6
FPFP	1	0	2	3
FAST	1	0	1	2
FPFV	0	2	1	3
FBKM	0	1	1	2

SUKAN ANTARA FAKULTI 2021 EDISI MAYA				

## PERHIMPUNAN KECERGASAN UTHM 2021 SIRI 2/2021

30 MAC 2021

Perhimpunan Kecergasan UTHM 2021 Siri 2/2021 anjuran bersama Pusat Sukan Universiti dan Pejabat Pendaftar telah dijalankan dengan jayanya di bawah bimbingan Coach Roy dengan melibatkan acara kick boxing.

## PERBINCANGAN BERSAMA MUHAMMAD ZIYAD ZOLKEFLI, ATLET PARALIMPIK NEGARA BAGI PROGRAM BERSAMA PUSAT SUKAN UNIVERSITI.

01 APRIL 2021

Pusat Sukan Universiti telah mengadakan perbincangan bersama saudara Ziyad Zulkifli, atlet Paralimpik Negara bagi persediaan program bersama Pusat Sukan Universiti.





# BULETIN PUSAT SUKAN UNIVERSITI

EDISI 02:  
MAC & APRIL 2021



## MESYUARAT PENYELARASAN KEJOHANAN ESPORTS TERBUKA IPT JOHOR

01 APRIL 2021

Mesyuarat Penyelaras Kejuhanan Esports Terbuka IPT Johor telah diadakan di Dewan Orang Ramai Kg Parit Gantung yang di pengurusikan oleh YBrs. Dr. Pekan Ramli, Ketua Seksyen Sukan, BPPD, KPT bersama dengan Wakil-wakil Ketua Masyarakat DUN Sri Medan, JPPK Parit Sulong, Wakil Belia, Wakil Pemuda UMNO, Ketua-ketua Kampung (5 kampung) dan pegawai-pegawai UTHM .

## PENYELARASAN KEJOHANAN ESPORTS TERBUKA IPT JOHOR 2021

05 HINGGA 10 APRIL 2021

Kejuhanan Esport Terbuka IPT Johor 2021 berjaya menarik 500 pelajar termasuk belia Batu Pahat dan sekitar negeri Johor. Tiga acara dipertandingkan iaitu Mobile Legend Bang Bang, PUBG Mobile dan FIFA 2021 bagi merebut hadiah keseluruhan RM14,000.00. Pertandingan ini berupaya membentuk kompetensi pelajar dan belia di samping menjadi medium kepada KPT untuk menyampaikan maklumat berkaitan dasar dan program terkini. Majlis Penyampaian hadiah dan Penutup telah disempurnakan oleh Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad.



## MAJLIS PENUTUP KEJOHANAN ESPORT TERBUKA IPT JOHOR 2021

10 APRIL 2021

Majlis telah disempurnakan oleh YB Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad, Menteri Pengajian Tinggi Malaysia. Hadir bersama dalam majlis ialah YBhg. Datuk Seri Dr. Mazlan bin Yusoff, Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT), YBrs. Dr. Mohd Zabri bin Yusoff, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) KPT, YBhg. Prof. Dato' Dr. Husaini bin Omar, Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Jabatan Pendidikan Tinggi KPT, YBhg. Prof. Datuk Ts. Dr. Wahid bin Razzaly, Naib Canselor UTHM, YBhg. Dato' Dr. Mohd Padzil bin Hashim Ahli Lembaga Pengarah UTHM, Timbalan-Timbalan Naib Canselor UTHM serta pegawai-pegawai kanan KPT dan agensi persekutuan, pegawai-pegawai kanan universiti dan ketua-ketua jabatan daerah Batu Pahat.

## PEMERHATI PERSIDANGAN TAHUNAN PESAKA KE 19 TAHUN 2020 DAN MAJLIS JASAMU DIKENANG

11 APRIL 2021

Persidangan Tahunan PeESAKA Ke 19, 2020 dan Majlis Jasamu dikenang telah diadakan di Royale Chulan, Kuala Lumpur. UTHM telah diwakili oleh Pengarah PSU, En. Azli bin Puddin dan En. Mohd Hazrin Abd Rahman selaku Penyelaras PST Silat IPT.



## ATLET UTHM TERPILIH "CALL UP" PASUKAN FUTSAL KEBANGSAAN

14 APRIL 2021

Tahniah diucapkan kepada atlet Futsal Lelaki UTHM, Saudara Alif Mat Amin berjaya terpilih utk 'call up' Pasukan Futsal Kebangsaan. Kem fasa pertama akan berlangsung pada 19 April hingga 17 Mei 2021 sebagai persiapan ke SAT International Futsal Championship di Thailand.

## WEBINAR SUKAN UTHM SIRI 3/2021: FROM ZERO TO HERO BERSAMA MUHAMMAD ZIYAD ZOLKEFLI , ATLET PARALIMPIK NEGARA

05 HINGGA 10 APRIL 2021

Webinar Sukan UTHM Siri 3/2021 menampilkan atlet paralimpik negara, Muhammad Ziyad Zolkefli dengan topik "From Zero To Hero". Beliau telah diiktiraf sebagai Atlet Paralimpik Negara Terbaik dan Pemenang pingat Emas Paralimpik Rio, Brazil. Mengecapi kejayaan dengan menempuh segala badai untuk berada di puncak kejayaan dapat dijadikan inspirasi kejayaan buat kita semua.



*Only Surround yourself with people who will lift you higher - Oprah Witnfrey*